

DBKL mula kajian geoteknikal di KL tahun depan

Putrajaya: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memulakan kajian geoteknikal membabitkan pemetaan utiliti termasuk saluran paip dan kabel elektrik di kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur, tahun depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata kajian itu akan memanfaatkan peruntukan RM10 juta yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 2025 mengumumkan peruntukan RM10 juta bagi melaksanakan Kajian Geoteknikal Struktur Lapisan Tanah di jalan-jalan utama sekitar Segi Tiga Emas Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, katanya, DBKL mewajibkan serta-merta pemaju projek untuk mengemu-

kakan laporan kajian geoteknikal bersama permohonan kebenaran merancang.

“Permohonan kebenaran merancang perlu disertakan dengan laporan geoteknikal yang disediakan jurutera bertauliah bagi mengurangkan risiko insiden tidak diingini di ibu kota,” katanya selepas Majlis Apresiasi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya, semalam.

Pada majlis itu, Zaliha menyampaikan 10 Anugerah Pembayar Cukai Tanah Terbaik 2024.

Penerima terdiri daripada Putrajaya Holdings Sdn Bhd, TNB Power Generation Sdn Bhd, Perbadanan Putrajaya, Petronas Gas Berhad, Perbadanan Pengurusan PPAM Seruling, Idaman Putrajaya Sdn Bhd, Shaftsbury Avenue Sdn Bhd, Perbadanan Pengurusan Ayer@8, Gilang Cendana Sdn Bhd dan Indah Putrajaya Sdn Bhd.